Fiqh al-Watan: Satu Pendekatan Berteraskan Tradisi Ilmu dan Kenegaraan

[*Fiqh al-Watan: An Approach Based on the Tradition of Islamic Knowledge and Statecraft*]

BITARA
Volume 9, Issue 1, 2026: 45-54
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 1 January 2026
Accepted: 30 January 2026
Published: 26 February 2026

Nor Atiqah Sukri[1&3], Nawaj Nadzri[1], Norazman Lot[1&4]
Siti Jamilah Mohd Sukri[1] & Ahmad Luqman Zulkefli[2]

1 UCYP University, Tingkat 2, Kompleks Yayasan Pahang, Jalan Tanjung Lumpur, Kampung Anak Air, 26060 Kuantan, Pahang, MALAYSIA
E-mail: noratiqah@@ucyp.edu.my; nawaj@@ucyp.edu.my; norazman@ucyp.edu.my; jamilah@ucyp.edu.my;
2 Institut Ilmu Darul Makmur, Lot 2-13, Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang, MALAYSIA
E-mail: luqman@iidmmuip.my
3 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA
4 Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Gong Badak Campus, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, MALAYSIA

*Corresponding Author: jamilah@ucyp.edu.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan konsep *Fiqh al-Watan* sebagai satu pendekatan bersepadu berteraskan tradisi ilmu Islam dan prinsip kenegaraan yang relevan dengan cabaran semasa umat Islam, khususnya di Negeri Pahang. *Fiqh al-Watan* menekankan sintesis antara peranan Muslim sebagai *Hamba Allah* dan *Khalifah Allah*, berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui disiplin tauhid, fekah, dan tasawuf. Kajian ini menggunakan analisis dokumen dan kajian literatur bagi menelusuri latar belakang, kerangka modul, dan prinsip teras *Fiqh al-Watan*, termasuk nilai *hubbul watan* (cinta tanah air), penghayatan terhadap institusi kesultanan, adat resam, serta pemeliharaan alam sekitar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini mampu memperkukuh kedaulatan, memupuk kerukunan, dan menjamin kelestarian negeri, di samping menangani krisis pemikiran, kekeliruan naratif sejarah, dan pengaruh ideologi asing. Modul ini bukan sahaja berfungsi sebagai wacana ilmiah, tetapi juga sebagai panduan praktikal untuk melahirkan warganegara Muslim yang berakhlak, berilmu, dan berperanan aktif dalam pembangunan peradaban Islam. Implikasi kajian ini mengisyaratkan bahawa penghayatan *Fiqh al-Watan* dapat menyumbang kepada pembinaan masyarakat berteraskan nilai, ilmu, dan akhlak, seterusnya memperkukuh keharmonian dan kemakmuran negara dalam jangka panjang.

Kata kunci: Fiqh al-Watan, Ahli Sunnah Wal Jamaah, Hubbul Watan, Kenegaraan Islam, Pembangunan Peradaban.

Abstract

This article examines the concept of Fiqh al-Watan as an integrated approach grounded in the tradition of Islamic scholarship and principles of statecraft, offering relevance to contemporary challenges faced by Muslims, particularly in the state of Pahang, Malaysia. Fiqh al-Watan emphasises the synthesis between the dual roles of Muslims as servants of Allah (ʿAbd Allah) and vicegerents of Allah (Khalīfat Allah), firmly rooted in the Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah creed through the disciplines of theology (ʿaqīdah), jurisprudence (fiqh), and spirituality (taṣawwuf). Employing document analysis and literature review, this study traces the background, module framework, and core principles of Fiqh al-Watan, including the value of hubbul watan (love of homeland), appreciation of the monarchy, preservation of cultural traditions, and environmental stewardship. The findings indicate that this approach strengthens national sovereignty, fosters societal harmony, and ensures environmental sustainability while addressing intellectual crises, historical narrative distortions, and the influence of foreign ideologies. The module functions not only as an academic discourse but also as a practical guide to nurturing

Muslim citizens who are ethical, knowledgeable, and actively engaged in the development of Islamic civilisation. The implications of the study suggest that the internalisation of Fiqh al-Watan can contribute to building a value-driven, knowledge-based, and morally upright society, thereby reinforcing national harmony and prosperity in the long term.

Keywords: Fiqh al-Watan, Ahl al-Sunnah wa al-Jamaʿah, Hubbul Watan, Islamic Statecraft, Civilisation Development.

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Nor Atiqah Sukri, Nawaj Nadzri, Norazman Lot, Siti Jamilah Mohd Sukri & Ahmad Luqman Zulkefli. (2026). Fiqh al-Watan: Satu Pendekatan Berteraskan Tradisi Ilmu dan Kenegaraan [Fiqh al-Watan: An Approach Based on the Tradition of Islamic Knowledge and Statecraft]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(1): 45-54.

PENGENALAN

Dalam konteks dunia Islam semasa, umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran yang merangkumi aspek akidah, syariah, akhlak, dan kemasyarakatan. Ajaran agama Islam yang mengandungi dua unsur penting *Fiqh al-Syar'* (kefahaman agama) dan *Fiqh al-Waqi'* (kefahaman realiti) terpisah kerana agama dilihat hanya sekadar *'Ulum Naqliyyah* atau *'Ulum Syar'iyyah* sedangkan aspek pemikiran tertinggal. Maka jadilah nas-nas agama tidak lagi mampu ditafsirkan mengikut perkembangan zaman dan tempat dalam kefahaman agama tentang ekonomi, politik dan sosial (Mohd Kamil, 2022). Apa yang mampu ditangani oleh ahli agama hanyalah dalam kepompong fiqh ibadat dan kekeluargaan, pusaka dan pengurusan mayat, bukan lagi dalam aspek kehidupan secara yang menyeluruh. Negeri Pahang tidak terkecuali daripada menghadapi permasalahan yang menuntut pendekatan bersepadu berteraskan nilai dan prinsip Islam (Amran Muhammad, t.t). Sehubungan itu, satu inisiatif telah diperkenalkan bagi memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap tanggungjawab keagamaan dan kenegaraan, iaitu Fiqh al-Watan.

Kemunculan idea Fiqh al-Watan didorong oleh usaha untuk mengharmonikan pentadbiran Islam dengan hukum Islam sebagai usaha untuk menangkis ideologi liberal dan sekular yang cuba meremehkan peranan Islam dalam kerangka pengurusan kenegaraan secara kontemporari. Fiqh al-Watan boleh dirujuk sebagai satu pendekatan reformasi berasaskan Islah dan Tajdid yang menekankan bahawa Islam perlu ditegakkan mengikut acuan tempatan selagi mana berpayungkan syariah dan prinsip kemaslahatan ummah. Usaha untuk memartabatkan Fiqh al-Watan tidak boleh dipandang enteng terutamanya untuk menangani isu-isu seperti keraguan terhadap kedaulatan sistem Raja Berperlembagaan, memartabatkan peranan *ulama' mu'tabar* yang beraliran Ahlus Sunnah wal Jamaah dan menjadikan Hukum Kanun Pahang sebagai rujukan yang penting untuk memantapkan pelaksanaan Fiqh al-Watan di peringkat tempatan (Yusof et al., 2025).

Umat Islam di Pahang, sebagaimana di wilayah lain, berdepan dengan pelbagai cabaran yang menguji kefahaman terhadap prinsip agama, kesatuan umat, dan peranan mereka dalam membangun peradaban. Sejarah membuktikan bahawa kekuatan sesebuah tamadun Islam tidak

hanya terletak pada penguasaan ilmu-ilmu *fardhu 'ain*, tetapi juga pada keupayaan menggabungkan nilai keilmuan dengan semangat kenegaraan yang tinggi (Wan Mohd Nor, 2010). Fiqh al-Watan muncul sebagai inisiatif strategik bagi memperkukuh kefahaman dan amalan Islam dalam konteks kenegaraan moden (Amran Muhammad, t.t). Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan konsep asas dan latar belakang Fiqh al-Watan sebagai satu pendekatan yang menggabungkan tradisi keilmuan Islam dan prinsip kenegaraan. Selain itu, ia juga bertujuan menganalisis peranan Fiqh al-Watan sebagai inisiatif pemerkasaan umat dan pembangunan peradaban Islam, khususnya dalam konteks Negeri Pahang. Seterusnya, makalah ini menghuraikan kerangka modul Fiqh al-Watan yang berteraskan ilmu *fardhu 'ain* dan nilai *hubbul watan* (cinta akan negara) selaras dengan lapan prinsip watan yang digariskan. Akhir sekali, makalah ini ingin menilai impak dan potensi Fiqh al-Watan dalam memperkukuh kesatuan umat serta menyumbang kepada kelestarian tamadun Islam di Malaysia.

FIQH AL-WATAN DALAM MENDEPANI CABARAN SEMASA

Pelbagai masalah timbul dan menjadi satu ancaman yang memberi kesan besar kepada umat Islam secara keseluruhannya. Krisis pemikiran yang melanda semakin hari semakin membarah, khususnya dalam kalangan generasi muda (Mohammad et al., t.t). Hal ini berlaku sedemikian disebabkan oleh beberapa faktor, salah satunya ialah kebanjiran maklumat yang boleh diakses tanpa batas. Masyarakat tidak mempunyai kerangka atau metodologi pemikiran yang kritikal dan analitikal untuk menapis segala maklumat yang ditemukan di hujung jari (Amran Muhammad, t.t). Hal ini dapat dilihat melalui capaian terhadap media sosial seperti *Facebook, TikTok, Thread* dan sebagainya. Setiap lapisan masyarakat didedahkan dengan pelbagai maklumat dan berita-berita yang tidak diketahui sumbernya. Ada kalanya, maklumat yang diterima tidak dapat dianalisis dengan baik dan akhirnya menyebabkan wujudnya salah faham dan tafsiran yang tidak tepat.

Selain itu, kemunculan ideologi yang bersifat dogmatik menjadi asas dalam membentuk pandangan terhadap dunia (Awang.H., 1986). Pemikiran sebegini secara tidak langsung telah mempengaruhi keputusan-keputusan signifikan terutama dalam aspek politik, ekonomi dan sosial termasuklah aspek budaya. Ideologi sebegini tidak disandarkan kepada pemikiran-pemikiran yang rasional dan terbuka. Mutakhir ini, kemunculan figura-figura berkepentingan yang menggunakan kesempatan sebegini untuk mewujudkan propaganda dan sentimen terhadap sesuatu isu bertujuan menyebarkan dakwah atau *dakyah* telah menjadi trend yang membimbangkan. Penyebaran maklumat sebegini secara tidak langsung tidak lagi berpaksikan kepada ilmu dan kebenaran, sebaliknya lebih kepada emosi dan tafsiran peribadi semata-mata. Sebagai contoh, masyarakat Islam pada masa kini berdepan dengan pelbagai isu akidah dan pemikiran yang tidak berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah. Ini kerana ada segelintir golongan yang keliru dengan tuntutan hak asasi dan amalan agama yang sepatutnya berteraskan aliran Ahlus Sunnah wal-Jamaah. Malaysia semakin prihatin terhadap isu-isu seperti ajaran sesat, murtad dan ekstremis dalam pengamalan agama. Ini boleh membawa kepada tergugatnya keamanan setempat dan kesucian agama Islam. Oleh itu, kerajaan mengambil usaha-usaha yang mapan untuk membendung isu-isu ini daripada membarah (Mat Hussin, 2023). Seterusnya, krisis pemikiran umat hari ini turut berpunca daripada kehampaan naratif yang membentuk cara pandang masyarakat terhadap sejarah, agama, dan pemerintahan (Amran Muhammad, t.t).

Naratif yang bersifat cetek dan terputus daripada akar tradisi intelektual Islam telah menyebabkan ramai dalam kalangan umat gagal memahami sejarah dengan kerangka yang seimbang, melihat agama hanya dalam ruang ibadah ritual semata-mata, serta menilai pemerintahan tanpa kefahaman mendalam tentang prinsip keadilan dan kepimpinan yang pernah diasaskan oleh tamadun Islam. Akibatnya, lahirlah masyarakat yang kehilangan arah, mudah terpengaruh dengan ideologi asing, dan bersikap pasif terhadap cabaran zaman. Salah satu kekeliruan utama yang dialami oleh masyarakat hari ini adalah pemahaman terhadap naratif sejarah watan, di mana peristiwa kemerdekaan Malaysia yang berlaku pada 31 Ogos 1957, sering dimomokkan sebagai satu kelemahan dalam institusi Kesultanan Islam di Nusantara (Ramlah Adam, 1998). Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan masyarakat hilang nilai penghargaan dan penghayatan terhadap warisan pemerintahan Islam tempatan. Terpengaruh dengan ideologi sekularisme merupakan ancaman terbesar kurangnya penghayatan masyarakat Islam untuk mengaplikasi agama dalam hal-hal keduniaan (Khalif Muammar, 2021).

Dalam pada masa yang sama, naratif keilmuan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) turut dikelirukan. Terdapat golongan yang menyeru kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah, namun seruan tersebut dibuat tanpa mempunyai panduan manhaj yang jelas sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Kekeliruan dalam masyarakat hari ini turut berlaku dalam memahami konsep tradisi pemerintahan dan kepimpinan *(imamah*) (Asad, 1961). Terdapat kecenderungan untuk menyamakan sistem Khilafah atau Kesultanan Islam dengan sistem monarki barat serta menyamakan konsep demokrasi moden dengan konsep syura di dalam Islam secara tidak tepat (Maududi, 1960). Umat Islam hari ini juga dilihat kurang menghayati warisan keilmuan *turath* (klasik) sehingga menganggapnya sebagai ketinggalan zaman. Salah satu punca berlaku sedemikian adalah kerana kelemahan dalam pendekatan penyampaian ilmu tersebut kepada masyarakat secara berkesan dan praktikal. Sedangkan, pemahaman agama secara praktikal dan tidak jumud akan melahirkan individu muslim yang beretika dan berintegriti dalam mentadbir urusan-urusan kenegaraan tanpa meminggirkan amalan ritual ibadah yang lain (Thohir & Septiadi, 2025).

INISIATIF PEMERKASAAN UMAT DALAM PERADABAN ISLAM

Untuk memperkasa kembali peradaban Islam, umat Islam perlu melihat dan mempelajari semula sejarah peradaban Islam ketika zaman kegemilangannya. Sebuah empayar Islam tidak akan bertahan beratus tahun lamanya jika tidak kerana wujudnya pelbagai usaha dari semua pihak termasuk pemimpin, ulama, pembesar dan juga rakyat jelata. Pada masa itu, telah wujud pelbagai inisiatif pemerkasaan yang telah menyumbang kepada kebangkitan dan keunggulan sebuah peradaban. Salah satunya yang signifikan ialah penubuhan Bayt Al-Hikmah di Baghdad yang merupakan sebuah institusi ilmu yang menjadi pusat penterjemahan pelbagai karya termasuklah falsafah, sains dan peradaban (Harakah, 2009). Kewujudan Bayt Al-Hikmah merupakan satu simbolik penting yang bukan sahaja membuktikan keterbukaan Islam terhadap ilmu pengetahuan, tetapi sebagai sebuah pusat yang memainkan peranan besar dalam proses pembangunan intelektual masyarakat.

Pada ketika itu juga, kemunculan gelombang tajdid dan ihya' (pembaharuan dan pemulihan spiritual) yang dipelopori oleh tokoh-tokoh besar seperti Imam al-Ghazali dan Abdul

Qadir al-Jilani, yang memperkukuh roh dan akhlak umat di tengah-tengah cabaran zaman. Kejayaan ini turut disusuli dengan kemunculan pemimpin dalam bidang ketenteraan seperti Salahuddin al-Ayyubi, yang bukan sahaja membebaskan Palestin daripada cengkaman tentera Salib, tetapi juga menonjolkan akhlak Islam dalam kepimpinan dan peperangan. Manakala di Alam Melayu pula, para pemerintah kesultanan Melayu Islam telah memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam. Gabungan erat dan sinergi yang wujud di antara ulama dan umara (pemimpin) menjadi tulang belakang kepada penyebaran ajaran tauhid, fiqh, dan tasawuf secara harmoni dan berakar umbi. Bahkan, mengikut sejarah Kesultanan Melayu Melaka sebagai contohnya tidak berbelah bahagi untuk menunjukkan taat setia kepada Sultan yang telah memainkan peranan yang amat penting sebagai pemimpin kepada rakyat. Melalui baiah atau taat setia yang telah ditunjukkan antara pemimpin dan rakyat akan menyumbang kekukuhan dan kestabilan sesebuah empayar (Ismail et al., 2021).

KERANGKA MODUL INISIATIF FIQH AL-WATAN

Perkataan Fiqh al-Watan merupakan gabungan dua istilah iaitu *fiqh* dan *watan*. Dari sudut bahasa, perkataan fiqh membawa maksud faham dan ilmu tentang sesuatu. Dari sudut disiplin ilmu Islam, fiqh merujuk kepada ilmu pengetahuan yang didasarkan kepada sumber dan kaedah ilmu-ilmu Islam dari al-Quran, as-Sunnah, Ijma' Ulama' dan al-Qiyas dengan prinsip dan dasar tertentu yang disepakati (Amran Muhammad, t.t). Istilah fiqh sering dikaitkan dengan kemampuan memahami dalil-dalil syarak secara mendalam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan. Sementara itu, *watan* menurut Kamus Dewan Edisi Keempat merujuk kepada tanah air atau tanah tumpah darah seseorang, yang bukan sahaja mencakupi wilayah geografi, bahkan meliputi identiti, sejarah, dan nilai kebudayaan yang membentuk jati diri masyarakat.


Watan dalam konteks modul ini dapat difahami sebagai tanah air tempat kelahiran dan dibesarkan, juga sebagai ibu pertiwi tempat tumpah darah kelahiran. Selain dari itu watan juga adalah tempat menetap dan tinggal bermukim dan bermastautin dalam menjalani kehidupan. watan menjadi asas bagi terbinanya sebuah peradaban (Amran Muhammad, t.t). Gabungan kedua-dua istilah ini memberikan pengertian yang lebih luas, iaitu kefahaman mendalam terhadap prinsip-prinsip Islam dalam kerangka kecintaan dan tanggungjawab terhadap tanah air. Justeru Fiqh al-Watan boleh ditakrifkan sebagai dasar dan prinsip termasuk adat dan adab mentadbir-uruskan tanah air berpandukan akidah, syariah dan akhlak Islam dengan mengambil kira konteks tradisi sosio-budaya tempatan zaman berzaman dan pada waktu yang sama dapat menggarap perkembangan dan keperluan semasa demi membina sebuah tanah air yang berdaulat, aman dan makmur.

Dari segi terminologi, Fiqh al-Watan merujuk kepada kaedah, prinsip, dan sistem yang digunakan untuk memahami secara mendalam selok-belok kehidupan bernegara dalam kerangka syariat Islam. Ia merangkumi kefahaman terhadap hak dan tanggungjawab individu serta masyarakat terhadap negara, termasuk aspek pentadbiran, undang-undang, keselamatan, dan kesejahteraan rakyat. Secara mudahnya, maksud Fiqh al-Watan dapat difahami sebagai tatacara kehidupan bertanah air yang berlandaskan ajaran Islam menurut *manhaj* Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ).

Konsep ini menuntut agar kesetiaan kepada negara, pemeliharaan keamanan, dan ketaatan kepada pemerintah yang sah dilaksanakan selagi mana ia tidak bercanggah dengan

prinsip-prinsip agama, di samping memastikan segala urusan kenegaraan berpaksikan nilai-nilai keadilan, kemaslahatan, dan kesejahteraan ummah.

Rajah 1: Kerangka Modul Fiqh al-Watan



Berdasarkan Rajah Kerangka Modul Fiqh al-Watan, komponen pertama ialah Asas atau Teras sebagai Hamba Allah, yang dibentuk melalui pelaksanaan ilmu *Fardhu 'Ain*. Asas ini disandarkan kepada tiga bidang utama iaitu Tauhid, Fekah, dan Tasawuf. Bidang Tauhid membentuk keimanan yang murni kepada Allah SWT sebagai asas akidah yang sahih. Fekah pula menyediakan panduan dalam pelaksanaan amalan ibadah dan muamalat yang selaras dengan syariat Islam. Manakala Tasawuf memperkukuh dimensi akhlak dan kerohanian agar pembinaan diri seorang Muslim seimbang dari segi intelektual, spiritual, dan moral. Kesemua elemen ini menjadi tunjang pembentukan peribadi seorang hamba Allah yang taat dalam melaksanakan perintah-Nya, berilmu dalam memahami ajaran agama dan kehidupan serta berakhlak mulia sesama manusia dan alam.

Komponen kedua ialah Penghayatan (Kontekstualisasi) sebagai Khalifah Allah, yang memberi penekanan kepada nilai *Hubbul Watan* atau cinta akan tanah air. Nilai ini dihayati melalui kefahaman yang mendalam tentang tiga aspek utama: kesultanan, adat resam, dan alam sekitar. Aspek kesultanan menuntut umat Islam memahami dan menghormati sistem pemerintahan yang sah, serta menunaikan kewajipan ketaatan kepada pemerintah selagi tidak bercanggah dengan syariat. Adat resam pula merangkumi penghayatan terhadap budaya dan warisan masyarakat setempat yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam, sekali gus memupuk identiti nasional yang harmoni. Aspek alam sekitar menggariskan tanggungjawab memelihara kelestarian bumi sebagai sebahagian daripada amanah kekhalifahan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT kepada manusia. Ini bermaksud nilai-nilai tauhid dan nilai-nilai murni yang lain perlu disemai dalam masyarakat agar kelestarian pembangunan secara mapan terus dilestarikan (Irhamullah et al., 2025).

Gabungan kedua-dua komponen ini membentuk Maqasid atau Matlamat Fiqh al-Watan, yang secara keseluruhannya dikenali sebagai Fiqh al-Watan. Matlamat ini tertumpu kepada tiga perkara utama: Kedaulatan, iaitu memastikan negara bebas daripada ancaman dan gangguan yang boleh merosakkan kestabilannya; Kerukunan, yang menekankan keharmonian hidup dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang; dan Kelestarian, iaitu memastikan kesinambungan kehidupan dan alam sekitar yang terpelihara untuk generasi akan datang. Secara keseluruhan, Fiqh al-Watan merupakan hasil sintesis antara pembentukan insan sebagai hamba Allah yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dengan penghayatan peranan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Hasilnya ialah sebuah masyarakat yang memahami dan mengamalkan tatacara kehidupan bertanah air menurut *manhaj* Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah (ASWJ), sekali gus mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

Al-Qur’an turut menegaskan dua fungsi utama manusia iaitu sebagai hamba Allah dan *Khalifatullah*. Ini bermaksud Islam tidak hanya memberi penekanan kepada amalan ritual semata. Namun, turut bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai khalifah Allah untuk memakmurkan kehidupan di muka bumi ini. Oleh itu, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam selain hubungan dengan Allah SWT perlu dititikberatkan untuk membentuk ‘insan kamil’ yang holistik (Aziz & Raini, 2018). Perkataan *Al-Ins* turut dinyatakan di dalam al-Quran yang mengandungi maksud yang tersirat. Ianya merujuk kepada manusia yang mempunyai potensi untuk dikembangkan kerana Allah SWT menganugerahkan akal fikiran. Bahkan, perkataan *Al-Ins* turut digandingkan dengan kata *Al-Jinn* untuk menunjukkan peri pentingnya kedua-dua makhluk ini mengabdikan diri kepada Allah SWT di samping memakmurkan kehidupan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang diamanahkan (Irhamullah et al., 2025).

Objektif Modul Fiqh al-Watan yang berteraskan Tatacara Kehidupan Bertanah Air Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) adalah untuk memperkenalkan panduan kehidupan bernegara berasaskan pegangan ASWJ dengan tujuan mencapai tiga teras utama, iaitu kedaulatan, kerukunan, dan kelestarian negeri. Pertama, modul ini memperkenalkan Fiqh al-Watan sebagai satu panduan komprehensif dalam membentuk kehidupan bernegara berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, dengan matlamat untuk mencapai tiga teras utama iaitu kedaulatan, kerukunan, dan kelestarian negeri. Pendekatan ini menekankan bahawa nilai-nilai Islam yang murni bukan sahaja berfungsi dalam ruang lingkup ibadah individu, tetapi juga menjadi asas kepada pembinaan negara yang harmoni dan sejahtera.

Kedua, modul ini memperincikan tiga prinsip watan yang menjadi teras kepada penghayatan *Hubbul Watan*, iaitu Kesultanan, Adat Resam, dan Alam Sekitar. Kesultanan dilihat sebagai simbol kedaulatan dan kesinambungan pemerintahan yang sah dalam kerangka syariat. Adat resam pula berperanan sebagai identiti budaya yang perlu dipelihara selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam, manakala pemeliharaan alam sekitar dilihat sebagai amanah yang wajib dipikul oleh setiap Muslim demi kelangsungan kehidupan. Prinsip-prinsip ini membentuk kerangka nilai yang menyeluruh untuk memahami dan melaksanakan peranan umat Islam sebagai warganegara yang bertanggungjawab, berintegriti, dan berakhlak.

Ketiga, modul ini menghuraikan gabungan dua komponen utama Fiqh al-Watan, iaitu peranan sebagai Hamba Allah yang dizahirkan melalui pengamalan ilmu dan ibadah Fardhu ‘Ain, serta peranan sebagai Khalifah Allah yang direalisasikan melalui penghayatan nilai *Hubbul Watan* dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Peranan sebagai Hamba Allah

menekankan aspek ketaatan, ketakwaan, dan keikhlasan dalam melaksanakan segala perintah serta meninggalkan larangan-Nya, manakala peranan sebagai Khalifah Allah menuntut umat Islam untuk memikul amanah kepimpinan, menjaga keharmonian masyarakat, mempertahankan kedaulatan negara, dan memelihara kelestarian alam sekitar. Gabungan kedua-dua peranan ini membentuk keseimbangan yang harmoni antara pengabdian rohani kepada Allah dan tanggungjawab sosial terhadap tanah air, seterusnya melahirkan warganegara Muslim yang berakhlak mulia, berpengetahuan, dan berperanan aktif dalam membangun serta mempertahankan kemakmuran negara.

Keempat, Fiqh al-Watan turut menegaskan bahawa tradisi ilmu yang berteraskan ajaran ASWJ iaitu Tauhid, Fekah, dan Tasawuf harus menjadi sumber rujukan utama dalam pembinaan kefahaman, pengamalan, dan penghayatan kehidupan bertanah air. Tauhid menjadi asas keimanan yang memandu segala tindakan, Fekah membimbing pelaksanaan hukum syariat, manakala Tasawuf membentuk kehalusan akhlak dan pembersihan jiwa. Secara keseluruhannya, modul Fiqh al-Watan ini tidak hanya berfungsi sebagai perbincangan ilmiah di kalangan ahli akademik, bahkan merupakan panduan praktikal yang menyeluruh untuk membentuk masyarakat yang teguh berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, menghayati nilai cinta tanah air (*Hubbul Watan*), serta memelihara kedaulatan, kerukunan, dan kelestarian negeri. Pelaksanaan modul ini diyakini dapat melahirkan warganegara Muslim yang seimbang dari aspek rohani, intelektual, dan sosial, sekaligus memperkukuh keharmonian dan kemakmuran negara dalam jangka masa panjang.

KESIMPULAN

Dengan memahami Fiqh al-Watan, umat Islam di Pahang dapat melihatnya sebagai suatu inisiatif pemerkasaan ummah yang relevan, praktikal, dan berpaksikan syariat, sekali gus memacu keharmonian serta kemajuan negeri dalam kerangka nilai Islam yang murni. Kefahaman ini bukan sahaja membentuk kesedaran terhadap tanggungjawab individu sebagai Hamba Allah dan Khalifah Allah, malah mengukuhkan jati diri umat Islam sebagai warganegara yang setia, berakhlak, dan berperanan aktif dalam membina peradaban. Modul ini diharapkan mampu menjadi panduan menyeluruh dalam memelihara kedaulatan, memupuk kerukunan, dan memastikan kelestarian negeri, selaras dengan prinsip-prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menekankan keseimbangan antara tuntutan rohani dan keperluan duniawi. Akhirnya, penghayatan Fiqh al-Watan akan melahirkan masyarakat yang bukan sahaja mencintai tanah air, tetapi turut menjadikannya sebagai medan untuk menzahirkan ketaatan kepada Allah SWT melalui pembangunan yang berteraskan nilai, ilmu, dan akhlak mulia.

PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Ilmu Darul Makmur, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas pemerkasaan Fiqh al-Watan di negeri Pahang.

RUJUKAN

Abdur, Rauf. (1965). *Renainsance of Islamic Culture and Civilization in Pakistan*. Lahore: Ashraf Publication.

Adam, R. (1998). *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Al-Buti, M. S. R. (2020). *Ketika Islam Berubah Menjadi Alat Politik* (M. S. Ismail, Penterj.) [Khutbah, disampaikan 7 Disember 2012]. ABIM Press.

Amran Muhammad. (t.t). Modul Inisiatif Fiqh al-Watan (Tatacara Kehidupan Bertanah Air Ahli Sunnah wal Jamaah: Ke arah Kedaulatan – Kerukunan – Kelestarian Negeri Pahang). Institut Ilmu Darul Makmur.

Asad, M. (1961). *The Principles of State and Government in Islam*. Berkeley & Los Angeles: University of California Press.

Azizah, M. & Raini. (2020). Konsep Khalifatullah dan Implikasimya terhadap Pendidikan Islam Perspektif M. Quraish Shihab. *Cendekia: Jurnal Studi Keislaman*, *4*(2), 97–111. https://doi.org/10.37348/cendekia.v4i2.52

Irhamullah, Wahyu Hidayat, & Herlini Puspika Sari. (2025). Khilafah Lingkungan: Peran Manusia Sebagai Khalifah dalam Menjaga Bumi. *QAZI: Journal of Islamic Studies*, *2*(2), 435–447. https://doi.org/10.61104/qz.v2i2.465

Ismail, N., Abd Aziz, M. K. N., & Arsani, Z. (2021). Idea Pembentukan Pemerintahan ibn Khaldun dan Asas Pembinaan Kesultanan Melaka dari Kurun Ke-15 hingga 16: The Idea of ibn Khaldun's Governance, and the Base for the Construction of the Sultanate of Melaka from the 15th to 16th Centuries. *Journal of Al-Tamaddun*, *16*(2), 31–47. https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no2.3.

Maaruf, S. (1988). *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*.Singapore: Times Book International.

Maududi, S. A.-A. (1960). *The Islamic Law and Constitution* (K. Ahmad, Ed.; 2nd ed.). Lahore: Islamic Publications.

Mat Hussin, M. N., Daud, M. Z., Md Noor, R., & Che Omar, A. (2023). Kajian isu-isu berkaitan pemeliharaan akidah dan pemikiran umat Islam di Malaysia: An analysis of issues relating to aqidah and beliefs among Muslimsin Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*,11(2), 366-380.https://doi.org/10.33102/mjsl.vol11no2.454

Mohd Kamil, M. A. (2022). Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin, 50*(1), hlm 109–136. Universiti Malaya diakses daripada https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/3166/1253/8745

Mubarakpuri, S. R. (2002). *The Sealed Nectar (Ar-Raheeq Al-Makhtum): Biography of the Noble Prophet* (Penterjemah/disunting tidak dinyatakan) (Edisi bahasa Inggeris). Darussalam.

Nasr, Sayyed Hussein. (1984) *Science and Civilization in Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Qutb, Sayyid. (2000) *The Islamic Concept and its Characteristics*, translated by Muhammed Moinuddin Siddiqi. Plainfield: American Trus Publications.

Samuel, H. (1996). *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon&Schuster.

Sayed, Naqib, Al- Attas. (1980) *The Concept of Education in Islam* (Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM); reprint, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

Thohir, A., & Septiadi, M. A. (2025). The Development of Islamic Civilization in the World: Knowledge, Integration and Innovation (750-1258 CE). *Journal of Al-Tamaddun*, *20*(2), 111–126. https://doi.org/10.22452/JAT.vol20no2.8

Umar M. Chapra, (2008) *Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*. Leicestershire, UK: The Islamic Foundation.

Wan Mohd Nor, W. D. (2010). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Yusuf al-Qardahwi, (1985) *General Characteristics of Islam*, Published by Islamic Inc. Publishing & Distribution, Cairo, Egypt.

A. Harris, K. M. (2021). Sekularisasi Etika dan Krisis Moral Masa Kini: Secularisation of Ethics and Contemporary Moral Crisis. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, *23*(2), 121–170. https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.4

Azman Yusof, Ibrahim Majdi Mohd Kamil, Amran Muhammad, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2025). Fiqh al-watan dan legitimasi Islam tempatan: Satu kerangka dekolonisasi *(Fiqh al-Watan and the legitimisation of local Islam: A decolonial framework)*. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 13(3), 53–64. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.